

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PENAMAAN CALON PEMILIHAN
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR (JPP)
UiTM CAWANGAN SELANGOR
SESI 2025/2026**

**7 NOVEMBER 2025 | JUMMAT | 8.00 - 10.00 PM
DEWAN KULIAH 1
FAKULTI SAINS KESIHATAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi)
UiTM cawangan selangor.

YBrs. Profesor Dr. Mohd Hafiz Mohd Hanafiah
Timbalan Rektor Hubungan Industri, Komuniti,
Alumni dan Keusahawanan (ICARE), Menjalankan
Tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri
UiTM Cawangan Selangor

Barisan Dekan Fakulti

Barisan Pengetua Kolej Kediaman Pelajar

**Barisan CARETAKER Majlis Perwakilan Pelajar
UiTM Cawangan Selangor Sesi 2024/2025**

**Calon-calon Jawatankuasa Perwakilan Pelajar
(JPP) Sesi 2025/2026**

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang
saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis yang penuh bermakna ini, iaitu ***Majlis Penamaan Calon Pemilihan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) UiTM Cawangan Selangor Sesi 2025/2026.***
2. Seperti yang kita sedia maklum, kepimpinan mahasiswa memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk ekosistem universiti yang progresif dan berdaya saing.
3. Di UiTM, pemimpin pelajar bukan sekadar pelengkap aktiviti kampus, malah mereka adalah rakan strategik universiti serta peneraju perubahan yang membawa suara mahasiswa ke platform yang lebih tinggi.

4. Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan maju jaya kepada calon-calon Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) bagi sesi 2025/2026.

Hadirin sekalian,

5. Kepimpinan bukan sekadar berkisarkan kedudukan atau pangkat, tetapi menuntut tanggungjawab, keberanian dan kejujuran untuk melakukan apa yang benar walaupun tidak popular.

6. Sebagai calon pemimpin pelajar, saudara dan saudari perlu menyedari bahawa kepimpinan merupakan satu amanah besar yang menuntut keikhlasan, tanggungjawab dan kebijaksanaan dalam tindakan.

7. Jadilah pemimpin berjiwa besar yang mampu mendengar sebelum berbicara, menilai sebelum bertindak dan berkhidmat sebelum menuntut penghargaan.
8. Hormatilah setiap calon lain sebagai rakan seperjuangan dalam matlamat yang sama, bukan sekadar pesaing dalam pemilihan.
9. Sesungguhnya matlamat kita ialah membina komuniti mahasiswa UiTM yang lebih maju, beretika serta bersatu hati dalam semangat keilmuan dan kebersamaan.
10. Dalam menghadapi fasa kempen, peliharalah integriti, kejujuran dan ketelusan dalam setiap tindakan.
11. Hindarilah kata nista, elakkan fitnah, dan jauhilah sebarang bentuk politik kebencian kerana

kepimpinan sejati tidak diukur melalui janji, tetapi melalui nilai, prinsip dan tindakan demi kebaikan bersama.

12. Saya juga ingin berpesan agar saudara dan saudari terus menjadi pemimpin berintegriti, berprinsip dan membawa semangat UiTM di Hatiku dalam setiap langkah kehidupan.

13. Saya berharap agar para calon terus bersemangat, beriltizam dan berwibawa dalam membawa suara mahasiswa serta memperjuangkan kebajikan seluruh warga kampus.

Hadirin yang saya kasihi,

14. Sebelum saya akhiri ucapan ini, izinkan saya tinggalkan tiga pesanan untuk semua:

- i. Pertama, teruslah menimba ilmu dan mengasah potensi diri walau tanpa sebarang gelaran atau jawatan.
 - ii. Kedua, peliharalah integriti serta keikhlasan dalam setiap langkah dan tindakan.
 - iii. Ketiga, jadilah duta UiTM yang membanggakan universiti di mana jua anda berada.
15. Akhir kata, sekalung penghargaan saya tujukan kepada Jawatankuasa Pemilihan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPJPP), Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan urusetia program atas usaha menjayakan majlis yang bermakna ini.

Ke taman ilmu berpayung seri,
Mahasiswa bersatu membawa harapan.
Amanah dipikul setulus hati,
Tekad di jiwa menuju kecemerlangan.

Bulan terang di malam hening,
Bintang berkelip menjadi saksi.
Amanah dan tanggungjawab datang seiring,
Peganglah teguh sepenuh hati.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya sukacitanya mengisytiharkan secara rasmi **Majlis Penamaan Calon Pemilihan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) UiTM Cawangan Selangor Sesi 2025/2026.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**